



ANTARA rombongan 30 ulama dan NGO Islam yang merasai pengalaman menaiki MRT SBK, semalam.

Bukti jalan kewajipan

■ **Pembikinan MRT terbukti menjimatkan, memudahkan urusan harian pengguna/rakyat**

Ardyhansah Amat

ardyhansah@hmetro.com.my

Kajang

Keayaan pembinaan Transit Aliran Massa (MRT) Sungai Buloh-Kajang (SBK) menjadi bukti kerajaan menjalankan kewajibannya kepada rakyat.

Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri berkata, secara umumnya, kerajaan sudah melaksanakan tanggungjawab dalam membina kemudahan infrastruktur bertaraf dunia.

“Dari sudut pandangan keagamaan (Islam), infrastruktur dan kemudahan seperti ini adalah hak rakyat yang perlu atau wajib dipenuhi pemerintah.”

“Berdasarkan pengalaman menaiki MRT hari ini (semalam), ia bukan saja se-

“

Dari sudut pandangan keagamaan (Islam), infrastruktur dan kemudahan seperti ini adalah hak rakyat yang perlu atau wajib dipenuhi pemerintah”

Zulkifli Mohamad

lesa, tetapi dilihat cukup membantu memudahkan urusan seharian rakyat sekali gus membantu mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas yang ada,” katanya ketika ditemui selepas menaiki pengangkutan berkenaan dari stesen Stadium Kajang ke Stesen Tun Razak, bersama kira-kira 30 ulama dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam, di sini, semalam.

Turut hadir, Setiausaha Politik Perdana Menteri Datuk Jailani Ngah yang me-

ngetuai rombongan lawatan berkenaan.

Menurut Zulkifli, kemudahan MRT juga dilihat membantu menjimatkan kos perbelanjaan pengangkutan dan masa.

“Menerusi MRT ini, ia membolehkan orang ramai melakukan perjalanan dalam keadaan bebas tekanan relatif dan meluangkan lebih masa dengan keluarga,” katanya.

Sementara itu, Mufti Melaka Datuk Seri Abdul Halim Tawil menasihatkan rakyat untuk meningkatkan taraf hidup menjadi lebih baik.

“Tindakan merosakkan harta benda dan berkelakuan tidak elok cukup bertentangan dengan budaya serta agama kita.

“Justeru, dengan kemudahan bertaraf dunia ini, masyarakat juga perlu mengamalkan etika dan mempunyai kesedaran sivik yang tinggi,” katanya.